



BULETIN

MDKL

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

EDISI 2/ 2018



EDARAN PERCUMA



Majlis Perasmian Pecah Tanah Bangunan Baharu MDKL

**DAN PENYERAHAN LORI "ARM ROLL" OLEH
KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD**



PERUTUSAN YDP

Assalamualaikum wbt.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, kita diberi kesempatan untuk bertemu lagi di edisi yang ke-2 pada tahun 2018 ini. Penerbitan buletin ini sedikit sebanyak dapat dijadikan bahan informasi kepada pembaca mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh pihak MDKL.

Pengalaman bekerja secara kolektif serta sistem pengurusan yang sistematik adalah tunjang kepada prestasi kerja yang cemerlang. Saya percaya, konsep ini telah dipraktikkan dengan jayanya oleh semua warga MDKL. Walau bagaimanapun, saya sering mengingatkan seluruh warga kerja MDKL agar tidak mudah berpuas hati dengan apa yang telah diperolehi pada masa kini. Seharusnya semua kejayaan yang telah dikecapi harus dikekalkan bagi memastikan prestasi dan kecemerlangan MDKL sentiasa berada ditahap yang cemerlang seterusnya menjadikan warga kerja MDKL sebagai penjawat awam yang mempunyai prestasi unggul.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan sentiasa memikirkan keselesaan warga kerja dan penduduk setempat yang sering berurusan dengan MDKL. Demi mencapai hasrat ini, MDKL sedang berusaha dan giat mendirikan sebuah bangunan pejabat baharu sembilan tingkat. InsyaAllah bangunan baharu MDKL ini boleh menempatkan semua kakitangan MDKL dalam satu kawasan bagi memudahkan orang ramai berurusan.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga MDKL sentiasa menjaga etika, memelihara integriti serta mengutamakan tugas yang diamanahkan berbanding perkara yang tidak berfaedah serta kepentingan diri sendiri.

Yang Berbahagia,

Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, SIS.,PPT.

PENAUNG

TUAN MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, SIS.,PPT.
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

PENASIHAT

ENCIK MOHD YASIN BIN ALWI, AIS.
TIMBALAN YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

KETUA PENGARANG

ENCIK MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN

PENGARANG

ENCIK MOHD SHAUKI BIN JAMALUDIN

PENOLONG PENGARANG

ENCIK NORHISHAM BIN OTHMAN
ENCIK MOHAMAD AZAMUDDIN BIN ARIS
ENCIK SAMSUL BIN ZAINUN

JURUFOTO

ENCIK NORHISHAM BIN OTHMAN
ENCIK SAMSUL BIN ZAINUN
ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI
ENCIK AHMAD AZAMUDDIN BIN MD ARIS

Isi Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Aluan YDP / Isi Kandungan / Sidang Redaksi	2
Majlis Perasmian Pecah Tanah Bangunan Baharu MDKL Dan Penyerahan Lori "ARM ROLL" Oleh KDEB Waste Management Sdn Bhd	3
Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat	4
Lawatan Makam DYMM Sultan Selangor Di Makam Diraja Jugra	5
Audit Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2018	6
Majlis Serahan Bingkisan Hari Raya Aidilfitri Dan Pagi MDKL Bilangan 1 Tahun 2018	
Program Inisiatif Hijau - Bengkel Pengkomposan Sisa Kebun Dan Sisa Dapur	7
Program CSR - Pembersihan Pantai Bersama Lembaga Urus Air Selangor & UMW Corporation Sdn.Bhd	
Program Pembersihan Pantai Bersama Mahsa University	8
Program CSR - Sambutan Hari Bumi (EARTH DAY) Di Taman Awam Pearl Villa Bsp 4, Bandar Saujana Putra	
Sesi Turun Padang Kempen Bazar Ramadan Mampan Kuala Langat Bersama Tuan Yang Dipertua MDKL Kempen Bebas Plastik Sempena Ramadan Mampan	9
Retromania Grand Gathering 2018	10 -11
Program Menyantuni Anak Yatim Sempena Ramadan 1439H	12
Majlis Serahan Kurma Sempena Ramadan 1439H	
Tadarus Al-Quran Sempena Bulan Ramadhan 1439H	13
Majlis Penutup Tadarus Al-Quran	
Kejohanan Futsal Tertutup Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC) Daerah Kuala Langat Tahun 2018	14
Sitaan Kedai Runcit Warga Asing	15
Kutipan Permit Kaki Lima	
Operasi Bayaran Permit Kaki Lima Premis Bersama Unit Kewangan.	16
Pemantauan Lokasi Tempat Pembuangan Sampah Haram	
Operasi Premis Menyembelih Dan Memproses Ayam Tanpa Lesen	17
Sitaan Penjaja Aiskrim Tanpa Lesen	
Operasi Halangan Di Petak Letak Kereta	18
Sitaan Pusat Snuker	
Pelaksanaan Program MPP	19
Laporan Skuad Pantas MDKL	20

MAJLIS PERASMIAN PECAH TANAH BANGUNAN BAHARU MDKL DAN PENYERAHAN LORI "ARM ROLL" OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD



Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) akan membina sebuah bangunan pejabat baharu dan dijangka siap pada awal tahun 2020. YAB Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pembinaan bangunan baharu itu menelan kos RM39 juta.

Beliau berucap ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Bangunan Baharu MDKL dan Penyerahan Lori Arm Roll pada 20 April 2018 yang lalu, terdapat keperluan untuk membina bangunan pejabat MDKL yang baharu memandangkan bangunan asalnya didirikan sejak 1989.

"Kuala Langat kini semakin rancak membangun dan kapasitinya juga agak terhad. "Oleh itu, bagi memastikan MDKL berfungsi lebih efisien, kita memastikan pembinaan bangunan baru dilaksanakan."Kos sebenar pembinaan ini adalah RM43 juta, namun dengan dasar Kerajaan Negeri yang mengamalkan tender terbuka, kos ini hanya RM39 juta,"



Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, bangunan asal MDKL kini tidak mampu untuk menampung pertambahan kapasiti bilangan kakitangan dan ruang kerja yang sempit. Katanya, dengan adanya bangunan baharu itu nanti, ia dapat memberi perkhidmatan lebih baik dan keselesaan kepada pelanggan serta kakitangan. "Bangunan baharu sembilan tingkat ini dibina di atas tanah milik MDKL dan terdapat kemudahan infrastruktur sedia ada.

"Konsep reka bentuk dicadangkan mencerminkan imej MDKL sebagai pihak berkuasa tempatan dan mewujudkan mercu tanda baharu yang moden dan terkini. MDKL ketika ini beroperasi di bangunan pejabat di Persiaran Majlis selain di tiga lokasi berasingan sekitar Banting.



Pada 8 Jun 2018 (Jumaat), bertempat di Masjid Nurul Iman, Batu 10, Kampung Kebun Bharu, Telok Panglima Garang, DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mencemar duli di dalam Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Peringkat Daerah Kuala Langat Tahun 1439H/2018M. Dalam majlis tersebut, DYMM Sultan Selangor berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada fakir/miskin dan saudara baru. Bacaan al-Quran oleh qori jemputan turut diperdengar. DYMM Sultan turut berkenan berbuka puasa dan melaksanakan solat sunat tarawih bersama rakyat. Bacaan doa dibaca oleh al-fadil Pegawai Tadbir Agama Islam Kuala Langat. Selepas solat sunat tarawih, baginda bersama-sama berangkat ke majlis santapan jamuan moreh sebelum berangkat pulang.





LAWATAN MAKAM DYMM SULTAN SELANGOR DI MAKAM DIRAJA JUGRA

Pada 25 April, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat menziarahi Kompleks Makam Diraja Jugra di Kuala Langat. Baginda diiringi DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah. Kompleks makam itu menempatkan makam Sultan Selangor kelima, Almarhum Sultan Abdul Samad Ibni Almarhum Tengku Abdullah yang mangkat pada bulan Februari 1898. DYMM Tuanku kemudian menziarahi Makam Diraja Kampung Bandar, Jugra, yang menjadi tempat persemadian kerabat-kerabat Diraja Selangor dari zaman terdahulu sehingga kini. Di sini juga telah disemadikan Bonda kepada Sultan Selangor ketujuh, Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah, Allahyarhamah Cik Hasnah binti Pilong. Sebelum berangkat pulang, Baginda turut sempat menyantuni penduduk-penduduk kampung yang hadir menyertai bacaan doa dan tahlil. Pada masa sama, baginda turut berkenan singgah ke Masjid Diraja Sultan Ala'eddin Kampung Bandar yang sedang dalam proses dinaik taraf dan dipulihara. Turut mengiringi baginda Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.





AUDIT PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2018

Pada 5 Jun 2018, MDKL telah dikunjungi oleh pasukan penilai Audit Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2018. Penilaian auditan berdasarkan prestasi tahun 2017. Beberapa kriteria telah dinilai iaitu pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan, penyertaan komuniti dan pandangan penduduk. Pada sesi penilai tahun 2016 yang lepas MDKL telah mendapat taraf lima bintang. Semoga pada penilaian kali ini MDKL dapat mengekalkan taraf lima bintang tersebut.



MAJLIS SERAHAN BINGKISAN HARI RAYA AIDILFITRI DAN PERHIMPUNAN BULANAN MDKL BILANGAN 1 TAHUN 2018



Pada 1 Jun 2018, bertempat di Dewan Kompleks Sukan, Majlis Serahan Bingkisan Hari Raya Aidilfitri kepada pegawai dan kakitangan telah diadakan. Majlis serahan tersebut diadakan bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba. Majlis tersebut diadakan didalam Perhimpunan Bulanan MDKL 1/2018, dihoskan oleh Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta .Bingkisan Aidilfitri tersebut berupa biskut raya yang telah disampaikan oleh Yang Dipertua Tuan Mohamad Zain bin A Hamid.





PROGRAM INISIATIF HIJAU - BENGKEL PENKOMPOSAN SISA KEBUN DAN SISA DAPUR

Pada 7 April 2018, Local Agenda 21 MDKL telah menganjurkan Program Inisiatif Hijau bertajuk Bengkel Pengkomposan Sisa Kebun dan Sisa Dapur bertempat di Taman Rekreasi Paya Bakau, Sijanggang. Program dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Veterinar Kuala Langat dan Eco C.H.O.T Agroline Sdn. Bhd. Kehadiran peserta adalah seramai 80 orang.



PROGRAM CSR - PEMBERSIHAN PANTAI BERSAMA LEMBAGA URUS AIR SELANGOR & UMW CORPORATION SDN.BHD



Pada 14 April 2018 bertempat di Pantai Cunang, Tanjung Sepat. Local Agenda 21 (LA21) MDKL telah menganjurkan Program Corporate Social Responsibility (CSR) dengan melaksanakan aktiviti Pembersihan Pantai dengan kerjasama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan UMW Corporation Sdn. Bhd. Program ini menggunakan kaedah Clean Coast Index (CCI). Dalam program tersebut, satu pertunjukan dekorasi daripada bahan kitar semula turut diadakan. Anggaran kehadiran adalah seramai 100 orang.



PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI BERSAMA MAHSA UNIVERSITY

Pada 19 April 2018 bertempat di Pantai Baharu, Morib, Local Agenda 21 (LA21) MDKL telah menganjurkan Program Pembersihan Pantai Bersama MAHSA University. Program Pembersihan Pantai ini menggunakan kaedah Clean Coast Index (CCI). Seramai 40 orang peserta telah menyertai program tersebut.



PROGRAM CSR - SAMBUTAN HARI BUMI (EARTH DAY) DI TAMAN AWAM PEARL VILLA BSP 4, BANDAR SAUJANA PUTRA



Pada 22 April 2018 bertempat di Taman Awam Pearl Villa BSP4, Bandar Saujana Putra, Local Agenda 21 (LA21) MDKL telah menganjurkan Program Corporate Social Responsibility (CSR) iaitu Sambutan Hari Bumi (Earth Day). Dalam program tersebut, pelbagai aktiviti telah diadakan. Antaranya ialah, Taklimat 3R berkaitan barangan terpakai, minyak masak terpakai dan lain-lain. Aktiviti lain yang dijalankan ialah penanaman pokok dan gotong royong pembersihan kawasan. Dianggarkan seramai 40 orang peserta terlibat di dalam program tersebut.



SESI TURUN PADANG KEMPEN BAZAR RAMADAN MAMPAN KUALA LANGAT BERSAMA TUAN YANG DIPERTUA MDKL

Pada 23 Mei 2018 bertempat di Bazar Ramadan Bandar Saujana Putra, Jalan SP 8/1 telah diadakan Sesi Kempen Bazar Ramadan Mampan Kuala Langat dan sesi turun padang bersama Tuan Yang Dipertua MDKL. Antara aktiviti yang dijalankan ialah taklimat ringkas Kempen Bazar Ramadan Mampan oleh wakil MDKL. Selain daripada itu, taklimat ringkas Kempen "Perhati dan Pilih Sebelum Membeli Juadah" juga telah diadakan dan disampaikan oleh wakil Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat. Majlis edaran apron, topi, beg guna semula dan bekas makanan kepada peniaga serta pengunjung bazar Ramadan BSP juga turut diadakan.

KEMPEN BEBAS PLASTIK SEMPENA RAMADAN MAMPAN



Jabatan Perancangan Pembangunan dibawah Local Agenda 21 (LA21) telah melaksanakan Kempen bebas plastik sempena Ramadan Mampan 2018. Kempen ini dijalankan pada setiap hari Sabtu sepanjang bulan Ramadan 2018 iaitu pada pukul 4.00 petang hingga 6.00 petang. Bazar Ramadan yang terlibat ialah Bazar Ramadan Saujana Putra (BSP) dan Bazar Ramadan Banting. Orang ramai yang berkunjung ke Bazar Ramadan BSP dan Bazar Ramadan Banting dengan membawa bekas makanan, beg guna semula atau sebarang perkakasan yang boleh mengurangkan penggunaan beg plastik akan diberikan mangkuk tingkat sebagai tanda penghargaan menyokong kempen ini.





RETROMANIA GRAND GATHERING 2018



Pada 28 hingga 29 April 2018, bertempat di Pantai Morib, Majlis Daerah Kuala Langat bersama Kelab Permotoran Retro telah menganjurkan Morib Retromania Grand Gathering 2018. Program merupakan salah satu aktiviti yang telah menarik pelancong dari dalam dan luar negeri Selangor dan program ini telah diadakan selama dua hari.

Secara tidak langsung peserta akan berkampung dalam daerah Kuala Langat seterusnya menginap di tempat-tempat penginapan yang ada sekitar Banting dan Morib. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah diadakan di dalam program tersebut di antaranya ialah sukaneka motosikal, penyampaian hadiah motorshow, cabutan bertuah, sembang santai mat motor 2 mat motor ride to mekah bersama Wazi Abdul Hamid (bekas pelumba cub prix negara).

Program ini telah menarik peminat-peminat motosikal yang dianggarkan seramai 15,000 orang bersama motosikalnya dan pengunjung dianggarkan seramai 40,000 orang. Majlis penutup disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid.







**PROGRAM MENYANTUNI ANAK YATIM
SEMPENA RAMADAN 1439H**

Pada 18 Mei 2018 bertempat di Rumah Amal Raudhatul Jannah, Kampung Olak Lempit dan Rumah Penyayang Bestari, Kampung Sungai Buaya, telah dianjurkan Program Menyantuni Anak Yatim Sempena Ramadan 1439H. Program melibatkan ketua-ketua jabatan MDKL dan seramai 72 orang anak yatim diraikan di dalam program tersebut. Tujuan penganjuran program ini ialah bagi memberi sumbangan serta menyantuni anak-anak yatim sempena bulan Ramadan 1439H.



MAJLIS SERAHAN KURMA SEMPENA RAMADAN 1439H



Pada 17 Mei 2018 bertempat di Ruang Legar, MDKL telah diadakan Program Majlis Serahan Kurma Sempena Ramadan 1439H. Tujuan program ini diadakan bagi mengeratkan hubungan dan menjalinkan ukhuwah antara pihak pengurusan MDKL dengan kakitangan. Agihan kurma turut diedarkan kepada Ahli Majlis.



TADARUS AL-QURAN SEMPENA BULAN RAMADHAN 1439H



Tadarus Al-Quran Sempena Bulan Ramadan 1439H telah diadakan bermula 18 Mei 2018 sehingga 7 Jun 2018 bertempat di Pejabat MDKL dan juga pejabat cawangan. Tadarus Al-Quran merupakan aktiviti tahunan pada bulan Ramadan ini telah mendapat penyertaan daripada kakitangan setiap jabatan. Seramai 150 orang kakitangan terlibat dalam program ini.



MAJLIS PENUTUP TADARUS AL-QURAN

Majlis Penutup Tadarus Al-Quran Sempena Bulan Ramadhan 1439H telah diadakan pada 7 Jun 2018 bertempat di Bilik Cempaka Kuning. Majlis Penutup Tadarus Al-Quran ini dihadiri oleh peserta tadarus yang terdiri daripada kakitangan setiap jabatan MDKL. Majlis penutup turut di hadiri oleh Yang Dipertua MDKL, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid.





KEJOHANAN FUTSAL TERTUTUP PENGURUSAN TAMAN PERINDUSTRIAN (IPMC) DAERAH KUALA LANGAT TAHUN 2018

Pada 22 April 2018 bertempat di Ole Futsal, Olak Lempit, Local Agenda 21 (LA21) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKL telah menganjurkan Kejuhanan Futsal Tertutup Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC) Daerah Kuala Langat Tahun 2018. Dalam Kejuhanan tersebut, dua kategori telah dipertandingkan, Kategori Lelaki dan Kategori Wanita. Kejuhanan tersebut telah mendapat penyertaan daripada 14 pasukan lelaki dan 3 pasukan perempuan yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan industri daerah Kuala Langat.





SITAAN KEDAI RUNCIT WARGA ASING

Pada 3 Mei 2018, Jabatan Penguatkuasaan telah menyita kedai runcit warga asing di Jalan Murni, Taman Langat Murni, Bukit Changgang. Dalam operasi tersebut MDKL telah menyita ayam hidup. Sitaan dijalankan kerana operasi menyembelih ayam tanpa permit.



KUTIPAN PERMIT KAKI LIMA

Pada 2 hingga 11 Mei, Jabatan Penguatkuasaan menjalankan kutipan permit kaki lima di Pekan Banting dan Telok Panglima Garang bersama Jabatan Pelesenan. Sebanyak 12 permit dikutip hasil daripada operasi tersebut.





OPERASI BAYARAN PERMIT KAKI LIMA PREMIS BERSAMA UNIT KEWANGAN.

Pada bulan Mei 2018, sebanyak lima kali Operasi Bayaran Permit Kaki Lima Premis telah dijalankan oleh Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra bersama Unit Kewangan bertempat di Bandar Saujana Putra. Tindakan bayaran serta merta dikenakan ke atas premis yang meletakkan barangan tred di kaki lima dan jika gagal membuat bayaran, tawaran notis kesalahan dikeluarkan. Sepanjang operasi tujuh notis kesalahan telah dikeluarkan.



PEMANTAUAN LOKASI TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH HARAM



Pada bulan 16 Mei 2018, Operasi Pemantauan Lokasi Tempat Pembuangan Sampah Haram telah dijalankan oleh Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra bertempat di Kampung Jaya Sepakat. Operasi ini bertujuan untuk memantau lokasi yang menjadi tempat pembuangan sampah haram.



OPERASI PREMIS MENYEMBELIH DAN MEMPROSES AYAM TANPA LESEN SAH MAJLIS

06 03 2018

Pada 16 Mei 2018 Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra telah menjalankan Operasi Premis Menyembelih dan Memproses Ayam Tanpa Lesen Sah Majlis bertempat di No.56, Jalan SP 8/5, Bandar Saujana Putra. Operasi yang bermula jam 12.01 pagi dan tamat pada 4.00 pagi. Operasi tersebut diketuai oleh ketua cawangan BSP En.Wan Putra Nor Shahan bin Ngadirin dan enam anggota penguat kuasa. Premis ini telah dikenakan tindakan dibatalkan lesen runcit pada 22 Mac 2018.

SITAAN PENJAJA AISKRIM TANPA LESEN


Pada 5 April 2018, Jabatan Penguatkuasaan MDKL telah menjalankan sitaan penjaja aiskrim tanpa lesen bertempat di hadapan Sek. Keb. Jugra. Operasi seperti ini sentiasa dijalankan oleh MDKL jika mendapat aduan daripada sekolah atau PIBG.





OPERASI HALANGAN DI PETAK LETAK KERETA

Operasi Halangan di Petak Letak Kereta telah dijalankan pada 5 April 2018, di No. 40, Jalan SP 1. Sitaan dijalankan terhadap peniaga perabot yang meletakkan barangan trednya di petak letak kereta yang telah menyebabkan halangan. Hasil daripada operasi tersebut telah dilakukan sitaan kerusi sofa, kerusi kayu dan meja kayu. Tindakan undang-undang dikenakan dibawah Seksyen 46 (1) (D), Akta 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974.



SITAAN PUSAT SNUKER

Pada 10 April 2018, Jabatan Penguatkuasaan telah menyita Pusat Snuker di Taman Seri Jaromas, Jenjarom. Tindakan penyitaan tersebut dilaksanakan dibawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 2001.



PROGRAM ANJURAN MPP



MPP 2
(Puan Rogayah binti Ibrahim)
Program Diambang Perdana



MPP 2
(Puan Rogayah binti Ibrahim)
Program Tadarus Perdana
Masjid Jamiatul Islamiah Kg Medan



MPP 2
(Puan Rogayah binti Ibrahim)
Program Jejak Ramadhan



MPP 5
Ab Rahman b. Amir
Road Tour Hotwheels Race
TPG Challenge 2018



MPP 12
Encik Tiew Chee Hock .
Program Gotong Royong
Taman Muhibbah



MPP 19
Gan Yee Chin
Karnival
Bandar Mahkota



MPP 19
Gan Yee Chin
Program Berbuka Puasa
Bandar Mahkota



MPP 19
Gan Yee Chin
Program Edaran Buah Kurma
Bandar Mahkota

AKTIVITI SKUAD PANTAS MDKL



Gotong Royong Makam
Di Raja Jura
19 April 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
21 April 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
4 Mei 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
21 Mei 2018



Pokok Tumbang
23 Mei 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
16 Jun 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
18 Jun 2018



Pokok Tumbang &
Menghalang Laluan
19 Jun 2018



Pokok Tumbang
24 Jun 2018

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hak milik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Langat
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304
E-mel : admin@mdkl.gov.my , aduan@mdkl.gov.my
Laman Sesawang : www.mdkl.gov.my